



KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM

LAPORAN PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2 SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) OLEH SIRIM

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia kali ke-30 berkaitan penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) oleh SIRIM.

2.0 LATAR BELAKANG

Audit Pemantauan Semakan Kedua Sistem Pengurusan Sistem Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 Oktober 2016. Sepanjang audit, seramai empat (4) orang Juruaudit telah terlibat sepanjang pengauditan.

Skop pengauditan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran di semua fakulti dan Pusat Asasi Sains Pertanian serta Taman Pertanian Universiti tidak termasuk aktiviti perkhidmatan yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.0 LOKASI AUDIT

Lokasi audit adalah seperti berikut:

1. Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
2. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)
3. Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)
4. Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU)
5. Taman Pertanian Universiti (TPU)
6. Fakulti Kejuruteraan (FK)

7. Fakulti Pertanian (FP)
8. Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)
9. Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB)
10. Fakulti Perhutanan (FH)
11. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)

4.0 PENEMUAN AUDIT

Hasil Audit Pemantauan Semakan 2, terdapat satu (1) laporan ketakakuran dan tiga (3) peluang penambahbaikan. Ringkasan hasil laporan audit seperti di bawah:

- 4.1 laporan ketakakuran (NCR) sebagaimana Jadual A;
- 4.2 peluang panambahbaikan (OFI) sebagaimana Jadual B.

Jadual A: Laporan Ketakakuran (NCR)

No. NCR	Klausa	PTJ	Ringkasan Penemuan <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
1.	4.3.1 Aspek Persekitaran	Pusat Jaminan Kualiti - Jawatankuasa Kerja EMS (Pasukan Aspek Impak)	a. Beberapa aktiviti tidak dikenalpasti dalam senarai daftar aspek impak. b. Interaksi aspek dengan unsur persekitaran tidak jelas

Jadual B: Peluang Penambahbaikan (OFI)

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI
OFI-1	4.3.2 Undang-Undang dan keperluan Lain	Pejabat Penasihat Undang-Undang	Daftar Undang-Undang Sedia ada perlu mendaftarkan <i>Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008</i>
OFI-2	4.5.2 Penilaian Kepatuhan	Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) – Pusat Jaminan Kualiti	Menambahbaik proses penilaian kepatuhan dengan mengambikira semua aspek alam sekitar yang berkaitan dengan undang-undang (contoh: <i>boiler operation</i> dan <i>standby generator set</i>)
OFI-3 (a)	4.4.6 Kawalan Operasi	PTJ Terlibat Fakulti Pertanian PTJ Lain Semua Fakulti	Bilik penyimpanan bahan kimia boleh ditambahbaik dari segi susunatur dan peralatan yang sesuai sahaja berada dalam bilik tersebut
(b)	4.4.6 Kawalan Operasi	PTJ Terlibat Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan PTJ Lain 1. Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) 2. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)	Pengurusan buangan domestik perlu ditambahbaik

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI
(c)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Taman Pertanian Universiti</p> <p><u>PTJ Lain</u> Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pertanian, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan & UPM Kampus Bintulu</p>	Merebentuk dan membina 'bundung' yang sesuai untuk tangki diesel dan memenuhi 110% kapasiti tangki tersebut bagi mengelakkan tumpahan keluar
(d)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Taman Pertanian Universiti</p> <p><u>PTJ Lain</u> PTJ Berkaitan (sama seperti tersenarai di OFI-3(c))</p>	Terdapat kesan tumpahan diesel yang memungkinkan pencemaran tanah
(e)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p>Taman Pertanian Universiti</p> <p><u>PTJ Lain</u> Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)</p>	Perlu lebih giat memaklumkan kesedaran berkenaan larangan pembakaran terbuka
(f)	4.4.6 Kawalan Operasi	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Status penghasilan SW410 dan SW323 perlu dipastikan supaya tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan sebagai prosedur ii. Proses pemilihan syarikat kitar semula perlu diteliti semula
(g)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</p> <p><u>PTJ Lain</u> Semua fakulti</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengkelasan bahan buangan sisa terjadual perlu ditambahbaik; ii. Keadaan stor sisa kimia perlu lebih kemas dan ditambahbaik

5.0 STATUS LAPORAN KETAKAKURAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Pelan Tindakan NCR telah dihantar kepada Ketua Juruaudit pada 8 November 2016 iaitu dalam tempoh satu (1) bulan selepas penutupan audit. Maklumbalas pengesahan persetujuan pelan tindakan telah diterima daripada Ketua Juruaudit bertarikh 15 November 2016. Seterusnya bukti tindakan pembetulan akan dihantar kepada pihak SIRIM selewat-lewatnya pada 12 Januari 2016 iaitu dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh penutupan audit.

Manakala pelan tindakan pelaksanaan OFI telah dimurnikan semasa bengkel pada 16 November 2016 dan hasil bengkel tersebut telah diedarkan kepada semua PTJ yang terlibat termasuk Peneraju dan PTJ lain yang berkaitan dengan OFI yang dikeluarkan bagi memastikan penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang. Pemantauan pelaksanaan tindakan (OFI) akan dilaksanakan secara berkala iaitu pada bulan Januari, Mac dan Jun 2017.

Keberkesanan pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pensijilan Semula pada tahun 2017.

6.0 SYOR

Mesyuarat dimohon beri perhatian perkara berikut:

- i. mengambil maklum ringkasan laporan penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, EMS yang telah diadakan 10 hingga 12 Oktober 2016; dan
- ii. meminta pihak yang terlibat dengan skop EMS mengambil tindakan pada setiap peluang penambahbaikan (OFI) yang telah dikemukakan oleh SIRIM.